

Headline	Remaja dinasihati waspada pengaruh luar	Language	Malay
Date	07 Aug 2010	Page No	3
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)	Article Size	97 cm²
Section	Tempatan	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	200
Frequency	Daily	PRValue	600
Circ / Read	29,826 / 97,836		



Remaja dinasihati waspada pengaruh luar

RANAU: Remaja dinasihatkan supaya sentiasa dan harus berwaspada agar tidak terlalu terpengaruh dengan pelbagai gaya kehidupan semasa yang tidak menentu bagi mengelak diri mereka terjerumus kepada perkara-perkara yang tidak diingini.

Pelbagai gaya hidup menarik yang dilihat atau ditonton dari media massa khususnya melalui internet, facebook dan sebagainya memang mendatangkan idea atau inovasi baharu namun sekiranya disalah tafsirkan akan memudaratkan diri sendiri.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Dr Ewon Ebin berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Nursejahtera Remaja anjuran Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Parlimen Ranau di dewan Semelur, Sekolah Menengah Kebangsaan Lohan dekat sini.

Menurut beliau pengaruh luar yang diperolehi melalui internet dan sebagainya memang banyak menyumbang kepada perubahan gaya hidup harian remaja.

Sekiranya gaya hidup luar itu ditiru secara bulat-bulat tanpa mengira kesan buruknya sudah pasti mengundang kepada gejala negatif yang akhirnya memudaratkan diri sendiri seperti berlakunya kes pembuangan bayi dan penyalahgunaan dadah, tambahnya.

Sehubungan dengan itu beliau meminta para remaja yang merupakan aset kemajuan dan bakal menjadi pemimpin negara dimasa hadapan supaya sentiasa berhati-hati dan peka dengan persekitaran agar tidak mudah terpengaruh dengan gejala sosial negatif.

Program berkenaan telah dihadiri oleh 80 orang pelajar remaja melibatkan enam buah sekolah di daerah Ranau.

Menurut Pengerusi MPWK Datuk Amisah Yassin, program kali ketiga anjuran majlis itu bertujuan untuk memberikan penghayatan diri kepada para remaja agar mereka sentiasa memperbaiki gaya hidup yang sihat dan gembira.

Sebanyak tiga sesi ceramah yang berkaitan dengan tingkahlaku berisiko seperti salahlaku juvana, risiko kehamilan dan jangkitan HIV, AIDS telah dibentangkan dalam program ini oleh Jabatan Kesihatan dan Polis.

Turut hadir pada majlis itu pengetua SMK Lohan Majus Munsing, Timbalan Pengerusi MPWK Dr. Lungkiam Dambul dan Setiausaha Politik dan Sulit Kementerian Japirin Sahadi dan Dallius Ubin.